

Pelan Strategik YIK



2010-2015

قُلُوبٌ سَيِّئَاتٍ كُنَّا فِيهَا
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنَّا فِيهَا



Kandungan



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam

dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan

Pelan Strategik YIK 2010-2015

Perutusan Menteri Besar Kelantan.....	2
Kata Aluan Exco Pembangunan Islam, Pendidikan & Dakwah Negeri Kelantan.....	3
Kata Aluan Pengarah Yayasan Islam Kelantan.....	4
Ringkasan Eksekutif.....	5
Pendahuluan.....	7
Sejarah Penubuhan YIK.....	8
Sekolah-Sekolah YIK.....	16
Visi, Misi & Moto	18
Struktur Organisasi.....	20
Pelanggan & Stakeholder.....	23
Kuasa & Undang-Undang.....	26
Penstrukturan, Peranan & Cabaran.....	28
Peranan Jabatan.....	29
Prinsip Nilai.....	34
Nilai Bersama.....	36
Isu & Cabaran.....	40
5 Teras Pelan Strategik YIK 2010-2015.....	46
Teras Pertama: Memperkasa Pengurusan & Pembangunan Sekolah.....	47
Teras Kedua: Melonjak Kecemerlangan Akademik.....	59
Teras Ketiga: Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.....	85
Teras Keempat: Membangun Modal Insan Berkualiti.....	91
Teras Kelima: Memantapkan Profesion Keguruan.....	106
Teras Keenam: Memantapkan Pengurusan Pentadbiran YIK...	110
Harapan Untuk Melangkah Ke hadapan.....	126
Sidang Editor.....	127



Perutusan Menteri Besar Kelantan

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والعاقبة للمتقين ولا عدوان إلا على الظالمين، والصلاة والسلام على
أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين،

أما بعد.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan yang menguasai semesta alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w pembawa kebenaran menyinari alam.
Kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah S.W.T dengan izinNya jua dapat saya menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini dan terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan yang berjaya menyediakan Pelan Strategik YIK 2010 -2015 ini.

Merangka perancangan adalah sebahagian daripada resipi kejayaan dalam mana-mana organisasi, Islam amat memberi penekanan kepada aspek perancangan untuk memastikan setiap aktiviti dan gerak kerja setiap individu itu tidak tersasar dari landasan sebenar yang telah digariskan oleh agama.

Baginda Rasulullah s.a.w telah menunjukkan secara praktikal betapa perancangan yang rapi mampu membuahkan hasil yang disasarkan. Peristiwa Hijrah memberikan gambaran yang jelas kepada kita bagaimana baginda s.a.w telah membuat perancangan rapi dan mengatur strategi yang cukup hebat sehingga mampu mengelirukan musuh-musuh yang amat berkuasa dan akhirnya Rasulullah s.a.w berjaya sampai ke Madinah dengan selamat.

Kata-kata Sayyidina Ali: “Kebenaran yang tidak berperancangan akan ditewaskan oleh kebatilan yang mempunyai perancangan”. Membuktikan perlunya kita membuat perancangan dan strategi untuk mencapai sasaran dan menepati target yang telah ditetapkan.

Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Yayasan Islam Kelantan atas kejayaan menyediakan Pelan Strategik ini untuk tempoh lima tahun yang akan datang sebagai asas untuk melonjak kecemerlangan dan menjadi penerajui kepada bidang pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Negeri Kelantan.

Sekian, Wassalam

YAB. Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Mat
Pejabat Menteri Besar

14 Mei 2010



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan



Kata-Kata Aluan

**YB. Dato' Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Islam, Pendidikan dan
Dakwah Negeri Kelantan**

بسم الله الرحمن الرحيم ، الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين ، أما بعد .

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t yang telah mengurniakan nikmat pemberian yang tidak terhingga, dan paling utamanya ialah nikmat iman dan Islam.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan yang telah berjaya menyediakan Pelan Strategik yang pada saya sebagai satu tindakan maju ke hadapan untuk melihat kelangsungan sistem pengurusan pendidikan di negeri ini bergerak mengikut acuan yang telah digariskan. Perancangan merupakan antara komponen penting dalam sistem pengurusan. Membina perancangan adalah menjadi satu kemestian yang tidak boleh diabaikan. Justeru ia menjadi petunjuk yang amat nyata kepada sebarang gerak kerja dan pelaksanaan program, begitu jua dengan tindakan-tindakan yang telah diambil dapat disemak dengan begitu mudah dan pantas.

Dalam arus kemajuan pelbagai hala pada hari ini, sudah tiba masanya Yayasan Islam Kelantan bergerak seiring dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dengan meletakkan nilai kecekapan dan kualiti di tempat yang teratas. Perubahan pantas yang berlaku dalam masyarakat dan negara juga menuntut perubahan dalam penyediaan perkhidmatan berkualiti termasuk pusat-pusat pendidikan. Kualiti sebenar bukan hanya terletak kepada indahnya sesuatu premis pendidikan, tetapi kemampuan melahirkan generasi yang berkualiti yang sebenarnya menajadi ukuran. Oleh yang demikian kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh Yayasan Islam Kelantan untuk mendepani cabaran itu terbukti dengan adanya Pelan Strategik untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Saya amat berbesar hati dengan usaha murni ini dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Pelan Strategik ini serta mengharapkan pelan ini menjadi teks rujukan berterusan dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan untuk mencapai sasaran dan matlamat.

Sekian, Wassalam

YB. Dato' Hj. Mohd Amar b. Hj Nik Abdullah
Kota Darul Naim, Kota Bharu

14 Mei 2010



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam

dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan



Kata-Kata Aluan Pengarah Yayasan Islam Kelantan

بسم الله الرحمن الرحيم ، الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين ، أما بعد.

Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah S.W.T, Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan untuk tempoh 5 tahun mulai 2010 hingga 2015 dapat disiapkan dengan jayanya. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyumbang tenaga sehingga terhasilnya Pelan Strategik YIK ini.

Pelan strategik merupakan asas perancangan dan penyusunan gerak kerja organisasi dan jabatan yang memberi panduan jelas untuk membuat semakan serta kajian kepada tahap kemajuan serta proses pelaksanaan aktiviti di semua bahagian.

Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan ini akan menjadi sumber rujukan kepada kakitangan dan semua pihak yang mempunyai kaitan dengan Yayasan Islam Kelantan dalam membuat penilaian dan mengukur tahap pencapaian sepanjang tempoh tersebut. Manakala pegawai dan kakitangan pelaksana pula dapat menentukan hala tuju yang tepat dan tidak tersasar daripada objektif serta matlamat yang telah ditentukan

Saya mengharapkan dengan visi “Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab menjelang 2015” YIK dapat menuju ke arah “Melahirkan muslim yang beriman, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat dan negara” melalui enam teras utama yang merangkumi bidang pengurusan dan pembangunan sekolah, akademik, memartabatkan pendidikan Islam dan bahasa Arab, membangun modal insan berkualiti, mempertingkatkan tahap profesion keguruan dan bidang pengurusan pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.

Akhir kata, adalah diharapkan Pelan Strategik ini dapat memenuhi kehendak stakeholder dan masyarakat secara umumnya agar mereka akan mendapat gambaran tentang ,peranan dan perancangan Yayasan Islam Kelantan.

Sekian, Wassalam

Ahmad Robert b. Abd. Rahim
Pejabat Yayasan Islam Kelantan

14 Mei 2010




Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan



Ringkasan Eksekutif



Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan bagi tempoh 5 tahun bermula 2010-2015 disedia dan dirancang untuk memberi gambaran yang jelas tentang peranan, misi, visi dan perancangan yang terurus untuk dilaksanakan dalam tempoh berkenaan.

Pelan Strategik ini akan menjadi panduan asas kepada pihak pengurusan Yayasan Islam Kelantan dan pengurusan sekolah tentang hala tuju yang perlu didokong ke arah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Selain itu Pelan ini juga diharapkan akan dapat memenuhi harapan stakeholder dan masyarakat umum untuk melihat dan mengukur keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan Islam Kelantan kepada mereka.

Dalam Pelan Strategik yang disediakan ini telah mengambil kira pelbagai aspek termasuk peranan, fungsi, prinsip nilai, analisis kekuatan dan kelemahan serta peluang yang ada supaya relevan dan bersesuaian dengan persekitaran yang ada.

Berasaskan kepada analisis yang komprehensif inilah, Pelan Strategik disediakan, supaya apa yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut acuan yang ditetapkan dan lebih realistik.




Ringkasan Eksekutif (samb.)

Peneraju kecemerlangan pendidikan Islam dan Bahasa Arab menjelang tahun 2015 adalah merupakan visi YIK yang harus dicapai dalam tempoh tersebut. Enam teras utama telah digariskan bagi memastikan segala visi, misi, objektif Yayasan Islam Kelantan berjaya dicapai. Teras tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Memperkasa Pengurusan dan Pembangunan Sekolah
2. Melonjak Kecemerlangan Akademik
3. Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab
4. Membangun Modal Insan Berkualiti
5. Memantapkan Profesion Keguruan
6. Memantapkan Pengurusan Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan

Kesemua 6 teras ini telah diperjelaskan secara terperinci melalui program, pelan tindakan, indikator dan sasaran tahunan supaya mudah difahami dan dilaksanakan oleh semua pihak terutama pihak pengurusan YIK.

Kesimpulannya Pelan Strategik Yayasan Islam Kelantan ini akan dapat menjadi satu sumber rujukan penting dan menjadi pemangkin kepada YIK untuk menjadi sebuah institusi yang cemerlang dan hebat melalui perancangan sistematik, tersusun dan lengkap.





PENDAHULUAN

1. Sejarah Penubuhan YIK
2. Visi, Misi dan Moto
3. Struktur Organisasi
4. Pelanggan dan Stakeholder
5. Kuasa dan Undang-undang

AHLI LEMBAGA YAYASAN ISLAM KELANTAN 2008-2010





Sejarah YIK



Sejarah Penubuhan YIK



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam

dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan



Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang terdapat pada hari ini lebih merupakan sebuah agensi agama kerajaan negeri Kelantan yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri ini. Penubuhan asalnya ialah pada 1 Januari 1974 yang terletak di bawah penguatkuasaan Enakmen Kelantan 9/1968.

Pada tahun 1973, kerajaan campuran Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Barisan Nasional (BN) ditubuhkan di Kelantan. Satu cadangan telah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri agar ditubuhkan satu Jabatan Khas untuk mengendalikan sekolah-sekolah agama. Jabatan ini diberi nama Jabatan Khas untuk mengendalikan sekolah-sekolah agama. Jabatan ini diberi nama Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA) Kelantan pada 1 Julai 1974 dan diletakkan di bawah Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri dengan Enakmen No. 9 tahun 1969 yang kemudian dipinda di bawah Enakmen No. 3 tahun 1977. Ia ditempatkan di bangunan Yaakubiah Lundang, Kota Bharu. JASA ditadbir oleh jemaah tadbir yang bertanggungjawab kepada Majlis Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (Muhammad Yunan 1997).



Surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kepada Dato' Yang DiPertua Majlis bilangan 1703/73(26) bertarikh 2 Ogos 1976 menyatakan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 29 Julai 1976 bersetuju melaksanakan pengambil alih sekolah-sekolah itu mulai 1 Ogos tahun yang sama.



Sekolah yang terlibat dalam pengambil alih pada peringkat pertama ialah sebanyak enam buah sahaja, iaitu Madrasah Muhammadi (Kota Bharu), Madrasah Falahiah (Pasir Pekan, Tumpat), Madrasah Amir Indera Petra (Beris Kubor Besar, Bachok), Madrasah Yaakubiah (Nipah, Bachok), Madrasah Arabiah (Pasir Mas) dan Madrasah Syamsul Maarif (Pulai Chondong, Machang) dan yang lain-lain di bawah naungannya. Maksud sekolah naungan ini ialah sekolah-sekolah yang pentadbirannya diluluskan oleh MAIK serta berjalan mengikut sukatan pelajaran yang digubal oleh MAIK, tetapi dengan guru-guru yang dilantik dan dibiayai sendiri oleh jawatankuasa kemajuan sekolah masing-masing.

Sebelum diambil alih oleh Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA) Kelantan pada tahun 1976, semua sekolah agama dalam negeri Kelantan terletak sama ada di bawah pentadbiran penuh MAIK menerusi satu pengisytiharan pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Haji Ishak Lutfi bin Omar, Menteri Besar Kelantan pada masa itu. Pengisytiharan ini dibuat dalam satu majlis khas yang diadakan pada hari Isnin, 1 Julai 1974, jam 9.30 pagi di Dewan Johor Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri beberapa minggu sebelum pilihan raya umum bulan Ogos tahun berkenaan.



Pengisytiharan ini dibuat kerana terjadi suatu peristiwa pada awal tahun 1971, apabila MAIK memperkenalkan sistem baru, iaitu sistem serampang dua mata untuk menggantikan sistem lama. Sistem ini diperkenalkan kerana pada awal tahun 1970 an merupakan zaman kemerosotan pelajar-pelajar di semua sekolah agama di negeri Kelantan , terutama di sekolah-sekolah bantuan atau rakyat. Minat orang ramai untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah agama mulai berkurangan. Sistem pengajian yang sedia ada tidak lagi dapat menghadapi pergolakan zaman yang berubah dengan begitu cepat sehingga ada sekolah – sekolah agama bantuan (rakyat) yang terpaksa ditutup kerana ketiadaan pelajar.

Minat orang ramai mulai tertumpu kepada sekolah menengah yang telah tumbuh di segenap pelusuk negeri yang pentadbiran dan kelengkapannya adalah lebih baik berbanding dengan sekolah-sekolah agama. Kadar kemerosotan sekolah-sekolah menengah mencemaskan terutama kedudukan negeri Kelantan sebagai pusat pengajian agama di rantau ini. Antara sebab perkara ini terjadi ialah:-

- i) Sistem persekolahan agama yang berjalan sehingga penghujung dekad 1960 an merupakan sistem lama yang telah berjalan semenjak selepas Perang Dunia Kedua dan sudah tidak selari lagi dengan perkembangan zaman dan keperluan-keperluan semasa.
- ii) Tiada nilai ekonomi bagi sijil-sijil yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah agama.



iii) Pengurusan dan pentadbiran sekolah tidak cekap, di samping peruntukan atau sumber kewangan yang amat terbatas. Kebanyakan berjalan dalam bentuk semasa dan tanpa perancangan jangka panjang.

iv) Guru – guru tidak terlatih dan tidak tetap. Kebanyakan guru, sekolah agama hanya sekadar singgah mengajar sebelum mendapat tempat di sekolah-sekolah milik kerajaan atau di tempat-tempat lain yang lebih terjamin.

Langkah-langkah awal bagi mengatasi masalah tersebut ialah dengan memperkemaskan sistem persekolahan melalui beberapa cara. Pada bulan Oktober 1967, Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Agama Kelantan di bawah peraturan Majlis Agama Islam Kelantan telah ditubuhkan.



Penubuhan lembaga ini dimaksudkan bagi menyamaratakan nilai sijil sekolah-sekolah agama Negeri Kelantan yang sebelum ini tidak diberi nilai dan pengiktirafan yang sama. Meskipun sekolah-sekolah ini memakai sistem dan kurikulum yang sama, iaitu sistem dan kurikulum MAIK, namun dalam amalannya nilai sijil yang dikeluarkan oleh masing-masing sekolah ini tidak mendapat pengiktirafan yang sama. Misalnya, terdapat sekolah yang sijilnya diterima untuk memasuki Universiti Al-Azhar seperti Maahad Muhammadi dan terdapat yang tidak. Bagi menyamaratakan nilai sijil ini supaya menjadi seragam, sebuah lembaga yang diberi nama seperti di atas ditubuhkan oleh MAIK bagi menjadi badan yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara peperiksaan dan pengeluaran sijil. Lembaga yang diluluskan penubuhannya pada 28 September 1967 ini mula menjalankan tugasnya pada 1 Julai 1968 (Abd. Razak 2002).



Serentak dengan perlembagaan ini juga, sistem persekolahan serta sistem pelajaran (kurikulum) disusun semula dan dikemaskini. Sistem pengajian yang baru ini dinamakan Sistem baru Persekolahan Agama yang juga dikenali Sistem Serampang Dua Mata, iaitu sistem yang mengandungi peringkat pengajian yang selaras dengan sistem pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membolehkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan SRP (PMR), SMU, STU dan STPM.

Sebelum sistem ini dilaksanakan, kurikulum agama di Kelantan tidak mengambil kira pengambilan sijil-sijil akademik seperti SRP (PMR) dan SPM. Dengan pelaksanaan sistem baru ini, pelajar-pelajar sekolah agama berpeluang memasuki peperiksaan-peperiksaan bagi mendapatkan sijil-sijil akademik mereka berselang seli dengan peperiksaan sijil agamanya dalam satu tempoh pengajian selama lapan tahun, dimulai dengan kelas peralihan sehingga tingkatan enam atas. Sistem ini juga adalah untuk melayakkan pelajar-pelajar agama memasuki mana-mana universiti sama ada di dalam mahu pun di luar negeri, yang beraliran agama atau pun aliran lain.

Bagi menampung perbelanjaan yang agak besar, pihak MAIK mengenakan bayaran yuran bulanan kepada pelajar-pelajar. Bayaran ini mengikut kadar tingkatan masing-masing, bagi pelajar-pelajar tingkatan enam bayaran yang dikenakan sebanyak RM 10.00 sebulan.



Ekoran daripada perkara itu, beberapa rundingan dijalankan di antara wakil pelajar, MAIK dan orang tengahnya di Dewan Bacaan maahad Muhammadi.



Rundingan menemui jalan buntu dan para pelajar mengatur strategi dengan membuat sepanduk-sepanduk, mengadakan kelengkapan dan menghubungi para pemberita.

Sepanduk yang berbunyi 'Kalau Majlis Tidak Mampu Serahlah Kepada Kerajaan Negeri' telah memberi kesan yang besar kepada Kerajaan Negeri dan MAIK. Ekoran daripada tindakan yang diambil oleh pelajar-pelajar di semua sekolah, pihak MAIK membuat satu keputusan yang baru, iaitu yuran persekolahan ditarikh balik. Akhirnya upacara pelancaran mengambil alih sekolah-sekolah Agama Rakyat Kelantan daripada Majlis Agama Islam Kelantan dibuat oleh Kerajaan Negeri yang dilakukan oleh YAB. Dato' Lutfi b Umar Menteri Besar Kelantan pada hari

Setelah kerajaan Barisan Nasional – Berjasa ditubuhkan di Kelantan pada 11 Mac 1978, pentadbiran sekolah-sekolah agama Kelantan berpindah daripada JASA kepada Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK).

Ia tertakluk terus kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan berkuatkuasa pada 22 Mac 1979, satu enakmen Bil. 5, tahun 1979, yang mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1979, meluluskan bagi menjadikan jabatan ini sebagai badan berkanun serta ditukar namanya kepada Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan.



Seterusnya untuk memberi kuasa yang lebih luas dan juga selepas digabungkan Fakulti Syariah Wal Qanun dan Usuluddin Wal Ijtima', Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri dengan Universiti Malaya (UM) dengan nama Akademik Islam Universiti Malaya (AIUM), kerajaan telah memansuhkan enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Kemudian agensi ini dipinda sekali lagi menerusi Enakmen Kelantan Bilangan 8/1982 dengan dinamakan Yayasan Islam Kelantan atau YIK yang berkuatkuasa pada 1 Mac 1983.



Berikutan penukaran nama ini, pejabat Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang bertempat di bangunan Yaakubiah, Lundang, Kota Bharu dipindahkan ke bangunan asrama sementara Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTINK) di Nilam Puri pada 4 Jun 1983. Kemudian sekali lagi dipindahkan ke bangunan lama Istana Nilam Puri yang terletak dalam Kampus Akademik Islam Universiti Malaya pada 9 September 1990 dan setelah ia diubah suai dan dibaik pulih dengan perbelanjaan sebanyak RM 120,000.00. Yayasan Islam Kelantan (YIK) bertanggungjawab mentadbir dan mengurus hal-hal berikut:-

- i) Sekolah-sekolah Menengah Agama/Arab seluruh negeri Kelantan
- ii) Pusat Bahasa Arab Nilam Puri
- iii) Pusat Pengajian Pondok, Telong Kandis, bachok
- iv) Tadika Tengku Anis, Kampung Sireh, Kota Bharu
- v) Kewangan untuk pengurusan dan pembangunan

Dengan penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai agensi kerajaan yang mengkoordinasi pendidikan Islam di Kelantan ia telah memberi nafas baru dalam bidang Pendidikan Islam .



Sekolah - Sekolah YIK

MAAHAD MUHAMMADI

MAAHAD MUHAMMADI (L)

Jalan Pengkalan Chepa
15400 Kota Bharu

MAAHAD MUHAMMADI (P)

Jalan Merbau
15300 Kota Bharu

MAAHAD PENGAJIAN ISLAM

Jalan Long Yunus
15200 Kota Bharu

MAAHAD AMIR INDERA PETRA

Beris Kubur Besar
16050 Bachok, Kelantan

MAAHAD YAAKUBIAH

Nipah
16300 Bachok Kelantan

MAAHAD AR-RAHMAH KENALI

16150 Kubang Kerian,
Kota Bharu, Kelantan.

MAAHAD SYAMSUL MAARIF (P)

16600 Pulau Chondong
Kelantan

MAAHAD SYAMSUL MAARIF (L)

18500 Labok
Machang, Kelantan.

MAAHAD MUHAMMADI PASIR MAS

Peti Surat 604
17007 Pasir Mas, Kelantan

MAAHAD MUHAMMADI RANTAU PANJANG

17200 Rantau Panjang
Kelantan

MAAHAD SANIAH

16800 Pasir Puteh
Kelantan

MAAHAD AHMADI

Padang Siam,
17500 Tanah Merah, Kelantan

MAAHAD MUHAMMADI TUMPAT

Kg. Sedar
16200 Tumpat, Kelantan

MAAHAD MUHAMMADI PASIR PEKAN

16060 Kota Bharu
Kelantan

MAAHAD RAHMANIAH

KM 5 Lebuhraya Kuala Krai -Gua
18000 Kuala Krai, Kelantan

MAAHAD MUHAMMADI GUA MUSANG

18300 Gua Musang, Kelantan

MAAHAD RAUDHAH AN-NAZIRIN

Jerimbong
17610 Kuala Balah, Jeli, Kelantan

MAAHAD AL-SABIRIN

17700 Ayer Lanas
Kelantan

MAAHAD TAHFIZ

MAAHAD TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAT

16600 Pulau Chondong
Kelantan

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN ASRIAH

Banggol Chicha
17000 Pasir Mas, Kelantan

MAAHAD TAHFIZ SAINS TANAH MERAH

Kg. Bendang Baru
17500 Tanah Merah, Kelantan

MAAHAD TAHFIZ SAINS BUSTANUL

ARIFIN, Berangan

16200 Tumpat, Kelantan

MAAHAD TAHFIZ SAINS NURUL AMAN

Kok Lanas
16450 Kota Bharu, Kelantan

PONDOK

PUSAT PENGAJIAN PONDOK

Kg. Telong, Kandis
16310 Bachok, Kelantan

TADIKA

TADIKA TG. ANIS I

Jalan Kampong Sireh
15050 Kota Bharu, Kelantan

TADIKA ISLAM TG. ANIS I

Jalan Raja Dewa, Telipot
15050 Kota Bharu, Kelantan

TADIKA TG. ANIS III

Jalan Mahmood
17000 Pasir Mas Kelantan

SMU(A) BANTUAN KERAJAAN

SMU(A) TARBIAH MARDHIAH

Panchor 16100 Kemumin,
Kota Bharu.

SMU(A) ITTIHADIAH TANJUNG PAGAR

16450 Ketereh
Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) AZHARIAH

16400 Kota Bharu
Kelantan.

SMU(A) TAQADDUM MAARIF

Pasir Tumboh
16150 Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) TAQADDUMIL ILMI

Ketereh
16450 Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) SULLAMIAH

Bunut Payong
15150 Kota Bharu, Kelantan.

SMU(A) HAMIDIAH

Padang Lepai

16450 Kadok, Kota Bharu

SMU(A) ISTIQAMAH BADANG

Jalan Pantai Cahaya Bulan,
15350 Kota Bharu, Kelantan.

SMU(A) DARUL SAADAH

BETA HULU

16450 Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) MUHAMMADIAH

Beris Panchor
16020 Bachok, Kelantan

SMU(A) AL-HIDAYAH ISLAMIAH

Chap Bekelam,
16070 Jelawat, Bachok, Kelantan.

SMU(A) AHMADIAH

Banggol Judah
18500 Machang, Kelantan

SMU(A) AL HASANIAH

Pangkal Jenerih,
18400 Temangan, Machang

SMU(A) ISMAILIAH

Binjai Manis
17000 Pasir Mas, Kelantan

SMU(A) TARBIAH DINIAH TOK UBAN

17000 Pasir Mas
Kelantan.

SMU(A) KHAIRIAH

Banggol Setol
17070 Pasir Mas, Kelantan

SMU(A) RAHMANIAH REPEK

17070 Pasir Mas
Kelantan.

SMU(A) TARBIAH DINIAH MERANTI

17000 Pasir Mas,
Kelantan.

SMU(A) DARUL SAADAH

Batu Karang
17070 Pasir Mas, Kelantan.

SMU(A) AL-FAUZIAH

Banggol Kulim
17200 Rantau Panjang, Kelantan.

SMU(A) TARBIAH ISLAMIAH

Lubok Gong
17200 Rantau Panjang, Kelantan

SMU(A) SYUKURIAH

Lubok Setol
17200 Rantau Panjang, Kelantan

SMU(A) TAHIRIAH TASEK

17200 Rantau Panjang,
Kelantan.

SMU(A) KHAIRIAH

Padang Pak Amat
16800 Pasir Puteh, Kelantan.



Sekolah - Sekolah YIK

SMU(A) NAHDATUL ULUM,
17600 Jeli,
Kelantan.

SMU(A) DINIAH GUNONG
Batu Melintang, 17600 Jeli,
Kelantan.

SABK

SMU(A) AL-KAUTHAR
Peringat
16400 Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) YUNUSIAH
Kg. Panjang,
16450 Banggu, Kota Bharu
SMU(A) SAADATUL QURA
P.O.BOX 2
18000 Kuala Krai, Kelantan.

SMU(A) DARUS SALAM
Sg. Peria,
18000 Kuala Krai, Kelantan.

SMU(A) MARDZIAH KUBANG BATANG
16250 Wakaf Bharu,
Kelantan.

SMU(A) NURUL HUDA
Kajang Sebidang
16200 Tumpat, Kelantan

SMU(A) TARBIAH ISLAMIAH
Kuala Kajang
17510 Lalang Pepuyu, Tanah Merah

SMU(A) ARABIAH TERNANG
Gual Ipoh
17500 Tanah Merah, Kelantan.

SMU(A) DARUL ULUM MUHAMMADIAH
Kolam, 16400 Melor,
Kota Bharu, Kelantan

SMU(A) DARUL IMAN BERIS LALANG
16070 Jelawat, Bachok,
Kelantan

SMU(A) DARUL ULUM JEDOK
17500 Tanah Merah
Kelantan.

SMU(A) FITRAH PASIR SAT
17500 Tanah Merah
Kelantan.

SMU(A) TARBIAH ISLAMIAH LEPAH
16810 Selising,
Pasir Puteh, Kelantan

SMU(A) NURUL ITTIFAK
Nering
16800 Pasir Puteh, Kelantan

SMU(A) DINIAH
BONGOR
17000 Pasir Mas, Kelantan.

SMU(A) MARDZIAH JABO
Chetok,
17060 Pasir Mas, Kelantan.

SMU(A) NURUL HUDA
Bukit Yong
16800 Pasir Puteh, Kelantan

SMU(A) DINIAH
Permatang Rambai
16800 Pasir Puteh, Kelantan.

SMU(A) NAHDATUL ISLAMIAH JELOR
16800 Pasir Puteh,
Kelantan

SMU(A) NURUL FALAH
Cherang Ruku
16700 Pasir Puteh, Kelantan.

SMU(A) AL-IHSAN
Dalam Pondok
17500 Tanah Merah, Kelantan

SMU(A) RAHMANIAH PALOH
17500 Bukit Panau
Tanah Merah, Kelantan.

SMU(A) DARUL ULUM DINIAH
Padang Siam
17500 Tanah Merah, Kelantan.

SMU(A) DINIAH BUKIT KECHIK
17500 Tanah Merah
Kelantan.

SMU(A) RI'AYATUL DINIAH
Bukit Mas
17500 Tanah Merah, Kelantan

SMU(A) ANSORIAH
Felda Kemahang 1
17500 Tanah Merah, Kelantan

SMU(A) MEHELIAH GETTING
16200 Tumpat, Kelantan

SMU(A) TARBIAH ISLAMIAH
Chabang Empat
16210 Tumpat, Kelantan

SMU(A) BUSTANUS SAADAH
MORAK
16040 Palekbang,
Tumpat, Kelantan.

SMU(A) TARBIAH DINIAH
Bunut Sarang Burung
16200 Tumpat, Kelantan

SMU(A) FALAHIAH
Sg. Sok,
18000 Kuala Krai, Kelantan

SMU(A) AL-SAADAH
Batu Mengkebang,
18000 Kuala Krai, Kelantan

SMU(A) SYUKURIAH
Bukit Sireh
18000 Kuala Krai, Kelantan

SMU(A) NURUL IHSAN
Kandek
18200 Dabong, Kuala Krai, Kelantan

SMU(A) TAQWA
Felda Ciku 2,
18300 Gua Musang, Kelantan

SMU(A) AL-ULUM PADANG EMBUN
17030 Tendong, Pasir Mas,
Kelantan.

SMU(A) AL-FALAH SIRAM
Alor Pasir
17000 Pasir Mas, Kelantan

SMU(A) BALAGHUL MUBIN
Rong Chenok
17060 Pasir Mas, Kelantan

SMU(A) ITTIFAKIAH
Telosan,
16800 Pasir Puteh



Visi, Misi & Moto



Yayasan Islam Kelantan

VISI

Peneraju kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab menjelang 2015.

MISI

Melahirkan muslim yang beriman, berakhlak mulia,
berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat
untuk membangun keluarga, masyarakat,
negara dan ummah.

MOTO

Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Gemilang.



Struktur Organisasi

Carta Organisasi YIK

LEMBAGA YIK

PENGARAH

**TIMBALAN PENGARAH
(AKADEMIK)**

UNIT KURIKULUM BAHASA ARAB & UGAMA
UNIT KURIKULUM UMUM & KOKURIKULUM
UNIT PENILAIAN & PEPERIKSAAN
PUSAT BAHASA ARAB

**TIMBALAN PENGARAH
(SEKOLAH)**

UNIT PERKHIDMATAN GURU
UNIT KENAZIRAN
UNIT HAL EHWAL MURID
UNIT TEKNOLOGI PENDIDIKAN

**TIMBALAN PENGARAH
(PENGURUSAN)**

UNIT SUMBER MANUSIA
UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
UNIT KEWANGAN
UNIT PEMBANGUNAN
UNIT PELABURAN
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

AUDIT DALAM



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Yayasan Islam Kelantan

Carta Fungsi YIK

PENGARAH

BAHAGIAN PENGURUSAN

1. Mengurus, Menyelia Dan Memantau Urusan Yang Berkaitan Dengan Pentadbiran Jabatan Seperti Perolehan, Pengurusan Harta Kerajaan Dan Kebersihan Serta Keceriaan.
2. Mengurus Pengambilan Kakitangan, Pengesahan Jawatan, Pencen Serta Hal Yang Berkaitan Latihan Prestasi Dan Kenaikan Pangkat.
3. Pengurusan Kewangan Dan Akaun Yang Melibatkan Penyediaan Belanjawan Tahunan, Gaji Dan Elaun, Serta Sistem Pengauditan Jabatan dan Semua Jenis Pembayaran.
4. Menyelia Projek-Projek Pelaburan Bagi Menjana Pendapatan Yayasan Islam Kelantan Dan Projek-Projek Pembangunan Bagi Meningkatkan Infrastruktur Sekolah-Sekolah Di Bawah Yayasan Islam Kelantan.

BAHAGIAN SEKOLAH

1. Mengurus Penempatan, Latihan Dan Prestasi Guru-Guru
2. Mengurus Perlantikan, Penempatan, Latihan Dan Prestasi Pengetua Dan Penolong Kanan.
3. Merancang Dan Menyediakan Unjuran Penambahan Guru, Kelas Dan Murid.
4. Membuat Penyelidikan Dan Peman-tauan Kenaziran Serta Audit Pengu-rusan Di Sekolah-Sekolah
5. Menyelaras Kemasukan Pelajar, Perpindahan, Kebajikan, Biasiswa, Asrama Serta PIBG Dan JKPS.

BAHAGIAN AKADEMIK

1. Mengurus Pelaksanaan Kurikulum Arab/Ugama Dan Akademik Di Semua Sekolah Di Bawah Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan
2. memperkasakan Keupayaan Guru Yayasan Islam Kelantan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Melahirkan Pelajar Yang Cemerlang Di Dunia Dan Akhirat.
3. Mempertingkatkan Penguasaan Dan Penggunaan Bahasa Arab Di Kalangan Guru Dan Pelajar Yayasan Islam Kelantan.
4. Mengendalikan Dan Memantau Urusan Peperiksaan Kelolaan YIK Dan Membuat Pemantauan Terhadap Peperiksaan Kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia.
5. Mempastikan Kegiatan Ko Kurikulum Di Sekolah-Sekolah Yayasan Islam Kelantan Selari Dengan Kegiatan Ko Kurikulum



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015



Pelanggan & Stakeholder



Pelanggan Dan Stakeholder



KATEGORI PELANGGAN / STAKEHOLDERS	PELANGGAN / STAKEHOLDERS
Stakeholders	1) KDYMM Al-Sultan 2) Lembaga Yayasan Islam Kelantan
Sekolah	Semua Sekolah di bawah pengurusan YIK
Guru	1) Guru-guru YIK 2) Guru-guru KPM
Pelajar	Penuntut yang belajar di sekolah YIK
Ibu-Bapa & Masyarakat	1) Ibu-bapa/penjaga kepada pelajar 2) Orang awam

AHLI LEMBAGA YAYASAN ISLAM KELANTAN 2008-2010



Berdiri dari kiri: YBHG. DATO' HAJI KAMARUDIN BIN MOHD ZAIN (Timbalan Yang Dipertua MAIK), YABRS. AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM (Pengarah Yayasan Islam Kelantan), YB DATO' HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD (Mufti Kerajaan Negeri Kelantan), YB DATO' HAJI DAUD BIN MUHAMMAD (Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan)

Duduk dari kiri: YB DATO' SERI SETIA RAJA HAJI MOHD AISERI BIN ALIAS (Setusaha Kerajaan Negeri Kelantan), YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAACOB (Timbalan Menteri Besar Kelantan), YAB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Menteri Besar Kelantan), YB DATO' HAJI MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan), YB DATO' HAJI MOHD. FAUDZI BIN CHE MAMAT (Pegawai Kewangan Negeri Kelantan)

Tiada Dalam Gambar: YB DATO' AZLAN BIN ABDUL HALIM (Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan), YABRS. HAJI HUSSIN BIN AWANG (Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan).



Penaraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Kuasa & Undang-undang



Kuasa dan Undang – Undang

Pengurusan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di sekolah-sekolah dijalankan berasaskan peruntukan undang-undang berikut :

- Enakmen YIK no. 8 tahun 1982
- Perlembagaan Persekutuan Bahagian 10 – Perkhidmatan Awam
- Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Akta 61)
- Perintah-Perintah Am (Bab A,B,C, E, F dan G)
- Akta Pencen 1980 (Akta 227)
- Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Kuasa Tempatan 1980 (Akta 229)
- Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238)
- Akta Perhitungan Semula Pencen 1980 (Akta 228)
- Peraturan-peraturan Pencen, 1980
- Akta Perwakilan Kuasa 1956 (Akta 35)
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Pindaan 1 Januari 2008)
- Akta Pendidikan 1991
- Pekeliling-pekeliling dan arahan-arahan Perkhidmatan Awam.



PERSEKITARAN, PERANAN DAN CABARAN

1. Peranan Jabatan
2. Sistem Nilai
3. Cabaran-cabaran Jabatan
4. Implikasi Ke atas Perkhidmatan Awam
5. Harapan Untuk Melangkah Ke hadapan



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Peranan Jabatan

Yayasan Islam Kelantan

Peranan Jabatan



Yayasan Islam Kelantan (YIK) merupakan sebuah institusi yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti pendidikan Islam dan pengajian Bahasa Arab di negeri Kelantan.

Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu:-

- Bahagian Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Sekolah
- Bahagian Pengurusan Akademik





BAHAGIAN PENDIDIKAN, YAYASAN ISLAM KELANTAN

Sebagaimana badan berkanun kerajaan yang lain, Yayasan Islam Kelantan ditadbir oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan.

Yayasan Islam Kelantan bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran semua sekolah dan institusi di bawahnya. Tanggungjawab ini meliputi pengurusan sumber manusia, kewangan dan akaun, pelaburan dan pembangunan serta pengurusan pendidikan. Pengurusan pendidikan yang melibatkan pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan merupakan tanggungjawab yang terpenting dalam pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.



Yayasan Islam Kelantan mengamalkan dua kurikulum serentak iaitu Kurikulum Al-Azhar dan Kurikulum Kebangsaan. Kurikulum Al-Azhar membolehkan para pelajar menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU), Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kurikulum Kebangsaan pula membolehkan para pelajar YIK menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Pentadbiran YIK mempunyai sebanyak 18 buah Sekolah Menengah Agama Negeri, 45 buah Sekolah Agama Bantuan, 20 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), 5 buah Maahad Tahfiz, 1 buah Pusat Pengajian Pondok, 1 buah Kolej Yayasan Islam Kelantan serta 3 buah Tadika Islam. Sekolah-sekolah ini terletak di pelbagai lokasi di dalam 10 jajahan di seluruh negeri Kelantan ini.





Sekolah – sekolah Yayasan Islam Kelantan ditadbir oleh seorang Pengetua sebagaimana kelaziman dalam pentadbiran sebuah sekolah biasa. Namun begitu segala dasar, peraturan, penempatan guru dan kakitangan bukan guru adalah dikawal sepenuhnya oleh Yayasan Islam Kelantan. Sehingga kini terdapat seramai 1860 guru di bawah Yayasan Islam Kelantan dan daripada jumlah itu 836 adalah guru tetap, 479 guru berelaun, 545 guru sandaran. Manakala bagi kakitangan sokongan pula adalah seramai 208 orang.



Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Islam
dan Bahasa Arab Menjelang 2015

Prinsip Nilai

Yayasan Islam Kelantan

Prinsip Nilai



UBUDIYAH

Manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir daripada pancaran iman dan Aqidah yang jelas.

MASULIYAH

Kebertanggungjawaban (Akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia dan akan dipersoalkan oleh Allah pada hari pengadilan kelak. Suatu proses khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.

ITQAN

Kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja, membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta model insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.





Nilai Bersama



Nilai Bersama

1. Profesional

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dengan menggunakan kemahiran, kecekapan, kepekaan dengan sumber yang ada untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

2. Berdisiplin

Sentiasa menunjukkan perilaku yang terbaik melalui kepatuhan kepada undang-undang, peraturan-peraturan, prinsip dan nilai murni yang diamalkan. Imej organisasi menjadi keutamaan dalam semua tindakan dan tatakelakuan yang dilakukan.

3. Kebijaksanaan

Kebijaksanaan menjadi teras ketika melaksanakan tugas dengan berpandukan ilmu dan kemahiran yang ada. Penyesuaian keputusan yang dibuat setelah penimbangan yang teliti dan menyeluruh.





Nilai Bersama

4. Akauntabiliti

Sentiasa mengambil tanggungjawab dan kebertanggungjawaban tentang apa yang dilakukan. Akauntibiliti ini akan menjadi sempadan dan proses keadaan kepada pengurusan dan masyarakat umum tentang akibat yang ditanggung hasil daripada apa

5. Responsif

Peka dan prihatin kepada kehendak stakeholder dan kehendak pelanggan di samping memahami isu-isu dan senario semasa dan sentiasa bersedia atau mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang berbangkit dengan cepat dan sempurna.

6. Adil

Memahami dan mengamalkan prinsip adil dan saksama dalam setiap keputusan yang dibuat. Pertimbangan yang sewajarnya diberi terhadap permasalahan yang timbul berasaskan undang-undang, peraturan serta norma dan sistem nilai yang diguna pakai tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain.





Nilai Bersama

7. Berintegriti

Sentiasa bersifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, dalam menjalankan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Dan sentiasa mengamalkan keutuhan dalam setiap tindak tanduk.

8. Amanah

Menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi dan penuh komitmen selaras dengan aku janji yang telah diikrarkan dan sentiasa mengikut peraturan dan undang-undang dalam menjalankan tugas yang diberikan.





Isu dan Cabaran





1. Kelemahan

1. Sumber kewangan yang terbatas.
2. Kemudahan fizikal dan kelengkapan asas yang terhad.
3. Tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi tidak mencukupi.
4. Sistem pengkalan data yang kurang efisien.
5. Perancangan pembangunan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
6. Sebahagian sumber manusia yang kurang terlatih.
